

Aspek Pengabaian Ibu Bapa Terhadap Perkembangan Menyeluruh Kanak-Kanak di Kuantan

Aspects of Parental Neglect on the Holistic Development of Children in Kuantan

MOHD NIZAM NAQIYUDDIN AHMAD SOBRI & MOHAMED AYOB SUKANI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan utama untuk menganalisis persepsi ibu bapa di Kuantan, Pahang, terhadap isu pengabaian kanak-kanak. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai tahap pengetahuan ibu bapa mengenai konsep pengabaian dan kesan-kesannya terhadap perkembangan kanak-kanak, yang merupakan isu sosial yang semakin mendapat perhatian dalam masyarakat. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan tepat, kaedah soal selidik telah dipilih sebagai instrumen utama. Seramai 115 orang ibu bapa yang bekerja di kawasan Kuantan telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang disediakan merangkumi pelbagai aspek penting mengenai pengabaian kanak-kanak, seperti tahap pengetahuan ibu bapa tentang kesan pengabaian terhadap perkembangan fizikal, emosi, dan sosial kanak-kanak, faktor-faktor yang menyumbang kepada pengabaian, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegahnya. Soal selidik ini bertujuan untuk mengumpul data yang dapat digunakan untuk menganalisis hubungan antara pengetahuan ibu bapa dan tahap perkembangan kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan ibu bapa mengenai pengabaian dan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan. Ibu bapa yang memiliki pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan buruk pengabaian, serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian pengabaian, didapati lebih cenderung untuk memberi perhatian yang lebih kepada keperluan anak-anak mereka. Keprihatinan ini mempengaruhi perkembangan kanak-kanak secara positif, dengan memberi mereka persekitaran yang lebih stabil dan menyokong. Implikasi kajian ini adalah sangat penting, bukan sahaja untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai tanggungjawab mereka dalam memastikan kesejahteraan dan perlindungan anak-anak, tetapi juga untuk memberi panduan kepada pihak berwajib dalam merangka dasar sosial yang lebih berkesan. Kajian ini boleh memberikan input yang bernilai kepada pihak kerajaan dalam merancang dan melaksanakan program perlindungan kanak-kanak yang lebih menyeluruh dan efektif. Dengan adanya dasar yang lebih baik, diharapkan hak-hak kanak-kanak dapat dipelihara dengan lebih telus, memastikan mereka tidak terabai dan dapat berkembang dengan seimbang tanpa gangguan akibat pengabaian.

Kata kunci: Perkembangan menyeluruh kanak-kanak; penderaan kanak-kanak; pengabaian; persepsi; ibu bapa; kesedaran

ABSTRACT

This study was conducted with the primary aim of analyzing the perceptions of parents in Kuantan, Pahang, concerning the issue of child neglect. The key focus of this research is to evaluate the level of parents' knowledge regarding the concept of neglect and its impacts on child development, an issue that is increasingly gaining attention in society. To ensure the collection of accurate and relevant information, a survey was chosen as the main data collection tool. A total of 115 parents working in the Kuantan area participated in this study. The survey covered various important aspects of child neglect, including parents' understanding of the effects of neglect on the physical, emotional, and social development of children, the factors contributing to neglect, and the preventive measures that could be taken to combat it. The purpose of the survey was to collect data that would allow for an analysis of the relationship between parents' knowledge and the development of their children. The findings of this study indicate a significant relationship between the level of knowledge parents have about neglect and the overall development of their children. Parents who had a deeper understanding of the negative impacts of neglect and the factors that contribute to it were more likely to pay closer attention to their children's needs. This greater awareness, in turn, positively influenced the children's development by providing them with a more stable and supportive environment. The implications of this study are critical, as it not only serves to enhance parental awareness about their responsibilities in safeguarding the welfare of their children, but also offers valuable insights to authorities in formulating more effective social policies. The findings from this research can provide crucial input to the government in designing and implementing more comprehensive and impactful child protection programs. With better policies in place, it is hoped that children's rights will be better protected, ensuring they are not neglected and are able to grow and develop in a balanced environment, free from the negative consequences of neglect.

Keywords: Children holistic development; child abuse; neglect; perception; parents; awareness

PENGENALAN

Institusi kekeluargaan adalah tonggak dalam masyarakat yang berperanan dan bertanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi bagi kemajuan sebuah negara bangsa (Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee et al. 2023; Nor Azima Ahmad, Norsyella Ahmad Tarmizi & Nurshahira Ibrahim 2023). Hal ini menjelaskan kepentingan fungsi sesebuah keluarga yang memberi manfaat kepada kekuatan masyarakat, agama, bangsa dan seterusnya negara. Institusi kekeluargaan yang berfungsi dengan sempurna dapat membentuk kemenjadian seorang pemimpin yang hebat pada masa akan datang yang dididik oleh keluarga sejak dari kanak-kanak lagi (Abdul Rashid Abdul Aziz et al. 2023). Institusi kekeluargaan diibaratkan seperti proses membina sebuah rumah yang memerlukan asas yang kuat untuk kekal kukuh, begitulah juga proses kemenjadian seorang kanak-kanak yang memerlukan asas yang kuat dalam diri bagi proses perkembangan mereka.

Dalam usaha menghasilkan pemimpin negara yang cemerlang pada masa hadapan, generasi kanak-kanak pada masa kini perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan jati diri yang kukuh dan mantap kerana mereka bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, tanggungjawab sesebuah keluarga terutama ibu bapa adalah penting, ibu bapa menjadi insan yang berperanan dalam membentuk dan mencorakkan perkembangan anak-anak mereka (Wan Farhana Wan Zainuddin & Sakinah Salleh 2022). Tambahan lagi, Safinah Ismail et al. (2023) menyatakan ibu bapa dilihat sebagai individu yang sentiasa rapat dengan anak-anak dan mempunyai kelebihan dalam mempengaruhi perkembangan mereka. Ini turut disokong dengan sebuah potongan hadis riwayat Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah dan kedua ibu bapa merekalah yang menentukan sama ada anak itu akan menjadi sebagai seorang Yahudi, Nasrani dan Majusi (penyembah api). Sekiranya kedua ibu bapa adalah Muslim, maka anak tersebut juga akan menjadi Muslim.”

(Sahih Muslim, Kitab al-Qadar)

Melalui hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa ibu bapa bertanggungjawab dalam segala perihal berkaitan anak-anak mereka. Namun begitu, pada masa ini, dengan dunia yang penuh dengan cabaran terdapat segelintir ibu bapa yang kurang cakna tentang peranan serta tanggungjawab

mereka terhadap anak-anak (Safinah Ismail et al. 2023). Ini diperincikan dalam laporan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) tahun 2023, yang turut dibentangkan dalam Dewan Parlimen yang menunjukkan terdapat peningkatan yang ketara dalam aspek kes pengabaian yang melibatkan anak-anak yang merupakan satu bentuk kes penderaan kepada golongan kanak-kanak. Dalam hal yang berlaku ini, didapati ibu bapa menjadi antara salah satu sebab utama kepada peningkatan kes penderaan kanak-kanak terutama dalam aspek pengabaian secara sedar atau tidak (Safinah Ismail et al. 2023). Ini disokong oleh Siti Nurjannah Saifollah dan Wafaa' Yusof (2023) isu pengabaian terutamanya dari segi fizikal dan mental kanak-kanak semakin membimbangkan dan merisaukan apabila dilihat kepada realiti semasa di Malaysia. Statistik yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkenaan isu juga menunjukkan peningkatan terutama semasa pandemik COVID-19.

Istilah pengabaian dalam konteks Islam berkait dengan kecuaihan. Perkataan kecuaihan dalam bahasa Arab membawa maksud *tafrit* atau *taqsir* iaitu meninggalkan tanggungjawab dan kewajipan terhadap sesuatu dan secara tidak langsung mendatangkan mudarat kepada individu lain dalam perkara yang tidak dibenarkan oleh syarak (Siti Nurjannah Saifollah & Wafaa' Yusof 2023). Dalam sudut perundangan Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof dan Zuliza Mohd Kusrin (2019) secara umumnya kes pengabaian biasanya terjadi apabila ibu bapa atau penjaga gagal untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dalam pelbagai aspek yang diperlukan oleh kanak-kanak untuk membesar. Ini selaras dengan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Kebangsaan Malaysia (2016) seperti yang terkandung dalam United Nation Child Right Convention (UNCRC) yang mendefinisikan pengabaian adalah satu bentuk kegagalan berterusan dalam memenuhi keperluan fizikal, emosi dan perkembangan asas seperti kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, makanan, tempat tinggal serta kehidupan yang selamat. Secara ringkasnya, pengabaian yang berlaku akan memberi kesan kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak, kelangsungan hidup kanak-kanak dan menjejaskan imej negara di persada dunia (Arifah Yusri & Mohd Nasir Selamat 2022).

Kerajaan Malaysia memandang serius terhadap kes pengabaian terutama melibatkan kanak-kanak,

telah termaktub di dalam Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 yang memperincikan undang-undang secara khusus berkaitan kanak-kanak agar dapat membendung kes pengabaian kanak-kanak di Malaysia. Namun, sebaliknya situasi di Malaysia telah melihat kepada peningkatan statistik kes mendadak dari tahun ke tahun (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019). Ini terbukti melalui rekod dari Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu kes penderaan kanak-kanak ini telah mencatatkan antara kes tertinggi sepanjang tahun melalui pelbagai kes yang dilaporkan seperti terjatuh dari bangunan tinggi, dibiarkan atau ditinggalkan di rumah tanpa sebarang pengawasan, ditinggalkan di dalam kereta dengan sengaja atau tanpa sengaja (Lia Nazia Naziera Hasanuddin & Nor Shafrin Ahmad 2022).

Peningkatan kes pengabaian yang berlaku di Malaysia melibatkan kanak-kanak terutamanya apabila bersama ibu bapa jelas memberi persepsi yang negatif kepada masyarakat dan negara (Tio Beng Shee & Syawal Amran 2023). Lebih malang lagi kes pengabaian ini akan menjejaskan perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini dilihat penting untuk melihat tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kes pengabaian. Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa objektif dirangka bagi kajian ini:

1. Mengetahui tahap pengetahuan ibu bapa terhadap aspek pengabaian kanak-kanak;
2. Mengetahui persepsi ibu bapa mengenai kesan pengabaian kepada perkembangan kanak-kanak; dan
3. Mengetahui faktor berlakunya pengabaian kepada kanak-kanak.

KAJIAN LITERATUR

Kerajaan Malaysia amat menekankan kepada pembangunan modal insan dalam diri kanak-kanak yang membolehkan perkembangan mereka berada pada tahap terbaik. Oleh itu, sepanjang proses perkembangan kanak-kanak, mereka tidak sepatutnya terdedah dengan pengalaman yang buruk yang mampu menjejaskan perkembangan menyeluruh mereka. Namun, menurut Noor Azlina Che Hasan, Muhamad Helmi Md Said dan Fatimah Yusro Hashim (2024) peningkatan kes yang melibatkan kanak-kanak dilihat sangat merisaukan kerana keadaan ini memberi kesan apabila mereka menjadi dewasa kelak dan negara

kita kini berhadapan dengan satu permasalahan yang membimbangkan tentang tahap kelangsungan hidup generasi hari ini disebabkan krisis yang melanda kanak-kanak dari pelbagai sudut termasuk penderaan (Arifah Yusri & Mohd Nasir Selamat 2022).

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, penderaan melibatkan kanak-kanak merangkumi dua aspek merujuk kepada sama ada seorang kanak-kanak itu pernah menjadi mangsa atau berisiko besar untuk menjadi mangsa kepada pelbagai bentuk penderaan seperti penderaan fizikal, emosi, seksual, atau pengabaian daripada mendapat hak mereka dari segi hak penjagaan, pemakanan, aspek tempat tinggal yang selamat, pakaian, penjagaan kesihatan, perubatan dan keselamatan (Arifah Yusri & Mohd Nasir Selamat 2022). Ini turut dinyatakan oleh Norsaleha Mohd. Salleh et al. (2018), iaitu perkara ini memberi impak yang sangat besar kerana bakal menjejaskan hal kehidupan dan masa depan kanak-kanak serta masa depan negara (Lia Nazia Naziera Hasanuddin & Nor Shafrin Ahmad 2022).

Siti Nurjannah Saifollah dan Wafaa' Yusof (2023) dalam Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara menjelaskan penderaan kanak-kanak dikategorikan kepada empat jenis yang meliputi penderaan fizikal, emosi, seksual serta pengabaian (Lia Nazia Naziera Hasanuddin & Nor Shafrin Ahmad 2022). Menurut Noor Azlina Che Hasan, Muhamad Helmi Md Said dan Fatimah Yusro Hashim (2024) penderaan fizikal didefinisikan sebagai sebarang bentuk kecederaan yang boleh dilihat secara jelas pada mana-mana anggota tubuh kanak-kanak (Akta Kanak-Kanak 2001), manakala penderaan dari sudut emosi pula terjadi apabila terdapat kanak-kanak dicerderakan dari sudut emosi mereka yang boleh memberi kesan atau mengganggu fungsi mental dan emosi kanak-kanak itu yang boleh dilihat dengan kelakuan tingkah laku keresahan, kemurungan dan sebagainya. Seterusnya penderaan seksual yang merujuk kepada bentuk penganiayaan kepada kanak-kanak dari segi seksual sama ada mereka terlibat sebagai peserta atau sekadar menjadi pemerhati dalam apa sahaja bentuk yang berunsur seks. Yang terakhir ialah pengabaian iaitu kegagalan yang berterusan dalam menyediakan keperluan asas fizikal, emosi, dan pembangunan kanak-kanak, termasuk kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, pemakanan, perlindungan, dan persekitaran yang selamat (Akta Kanak-Kanak 2001).

Pengabaian yang berlaku ini akan mendedahkan kanak-kanak kepada segala bentuk bahaya termasuk

dapat mengancam nyawa kanak-kanak itu sendiri. Pengabaian ini terbahagi kepada dua aspek, iaitu fizikal dan emosi. Dari sudut fizikal, pengabaian melibatkan kegagalan pihak tertentu antaranya ibu bapa untuk menyediakan makanan, tempat perlindungan, perubatan, serta pendidikan, sementara itu, pengabaian emosi pula merujuk kepada kurangnya perhatian terhadap keperluan emosi anak-anak sehingga menyebabkan kegagalan untuk menyediakan sokongan psikologi (Norsaleha Mohd. Salleh et al. 2018). Secara umumnya, pengabaian mahupun penderaan mempunyai ciri yang hampir sama. Namun perbezaannya terletak pada tindakan, situasi, dan keadaan yang dihadapi oleh kanak-kanak (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019). Pengabaian adalah salah satu bentuk penderaan yang sukar dikenal pasti, dan ramai ibu bapa tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya telah mengabaikan anak-anak mereka dalam kehidupan seharian (Noor Azlina Che Hasan, Muhamad Helmi Md Said & Fatimah Yusro Hashim 2024).

FAKTOR BERLAKUNYA KES PENGABAIAN

Pelbagai faktor yang wujud yang menyebabkan kanak-kanak berada dalam keadaan terabai dan diabaikan oleh segelintir ibu bapa yang tidak mengambil cakna dalam hal ini. Mohd Alif Jasni et al. (2022) menyatakan antara punca yang ketara adalah disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan, keluarga yang menghadapi masalah, kematian atau kehilangan ahli keluarga, serta latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah atau miskin.

ILMU KEIBUBAAPAN YANG LEMAH

Menurut kajian, ibu bapa yang mempunyai ilmu pengetahuan yang terhad dalam aspek perkembangan kanak-kanak merupakan antara sebab utama terjadinya kes pengabaian di Malaysia. Bahkan segelintir ibu bapa itu sendiri sebenarnya tidak sedar yang mereka telah mengabaikan anak-anak mereka dalam aspek-aspek tertentu. Sesungguhnya ilmu berkaitan keibubapaan amat penting setelah bergelar ibu bapa kerana sepanjang proses perkembangan kanak-kanak ibu bapa perlu berikan perhatian yang sepenuhnya supaya tidak

mengganggu perkembangan kanak-kanak tersebut (Khairun Nisa Binti Md Isa & Kamariah Abu Bakar 2021). Dengan adanya ilmu tersebut mereka dapat diterapkan kepada amalan keibubapaan apabila berada di rumah bersama anak-anak mereka. Ibu bapa dianggap sebagai agen sosial dalam mempengaruhi pembentukan jati diri malah perkembangan menyeluruh kanak-kanak (Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman 2022).

KELUARGA YANG BERPENDAPATAN RENDAH

Selain itu, faktor kewangan ibu bapa juga dilihat mempengaruhi kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan kanak-kanak. Segelintir ibu bapa yang mempunyai masalah kewangan iaitu sumber pendapatan yang tidak menentu dan rendah menyebabkan mereka terpaksa bekerja sehingga lewat malam untuk kelangsungan hidup (Mohd Alif Jasni et al. 2022). Hal ini sekaligus menyebabkan anak-anak mereka tidak diurus dengan baik dari pelbagai aspek kehidupan antaranya mendapat kasih sayang dari ibu bapa. Situasi yang berlaku di Malaysia menunjukkan ramai keluarga yang terperangkap dengan miskin bandar. Ini juga disokong oleh Zuriani Hanim Zaini et al. (2021) yang menyatakan dalam soal perkembangan kanak-kanak, sokongan dan penglibatan dari ibu bapa adalah perkara asas dalam mempengaruhi motivasi serta emosi kanak-kanak. Dalam aspek yang lain, Rozelia Haizah Abd Razak dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2022) ketika pandemik COVID-19, ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang rendah perlu memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk sesi pengajaran dan pembelajaran anak-anak mereka dari segi gajet dan kelajuan internet. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan kepada masalah kewangan sesebuah keluarga dan tahap motivasi serta semangat kanak-kanak. Jika ibu bapa tersebut tidak memenuhi kelengkapan pembelajaran, keadaan ini akan menjurus kepada permasalahan keciciran pelajar apabila mereka tidak mengikuti sesi PdPR. Bagi keluarga yang berpendapatan kecil dan mempunyai ahli keluarga yang ramai, pastinya akan merasa bebanan bagi memastikan setiap anak-anak dapat mengikuti sesi PdPR secara konsisten (Zuriani Hanim Zain et al. 2021).

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENGABAIAAN DI MALAYSIA

Bentuk penderaan kanak-kanak dari aspek pengabaian dikategorikan kepada empat jenis mengikut peruntukan yang dikeluarkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang dikenali SUHAKAM iaitu peruntukan ini dilihat selari dengan Dasar Kanak-Kanak Negara (Norsaleha Mohd Salleh et al. 2018) yang meliputi hak seorang individu kanak-kanak merangkumi aspek perlindungan, kehidupan, perkembangan, dan akhir sekali hak dalam aspek penyertaan.

Menurut Nurul Izzah Izzati Hashim dan Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin (2019), peningkatan kes pengabaian berlaku dengan sangat ketara. Pelbagai langkah serta usaha diambil oleh pihak kerajaan bagi mengekang dari berlakunya kes yang melibatkan kanak-kanak ini. Antara langkah awal yang diambil adalah dengan mengenakan hukuman yang lebih keras dan lebih berat kepada pihak yang didapati bersalah mengikut Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Pindaan ini termasuk juga dengan kenaikan kadar denda sehingga RM50,000 dan penjara 20 tahun jika disabitkan dengan kesalahan (Siti Nurjannah Saifollah & Wafaa' Yusof 2023). Hal ini secara khususnya untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terutama sekali segelintir ibu bapa atau penjaga dalam masa yang sama memberikan pengajaran serta membela nasib kanak-kanak yang menjadi mangsa pengabaian.

Menurut Siti Nurjannah Saifollah dan Wafaa' Yusof (2023) peruntukan undang-undang turut diperluas dan tidak hanya tertumpu kepada pengabaian yang dilakukan secara langsung malah melibatkan pengabaian secara tidak langsung. Peruntukan undang-undang bagi melindungi hak setiap kanak-kanak termasuk dalam soal pengabaian telah diperuntukkan di dalam Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 khususnya seperti yang dinyatakan di seksyen 17(1)(g) (i) (j) (k) yang termasuk pelbagai kes seperti pembuangan bayi, tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga, ibu bapa atau penjaga yang gagal menyediakan atau memberikan rawatan kepada kanak-kanak apabila mereka perlukan serta kes-kes terpencil yang lain seperti kanak-kanak yang dijadikan pengemis atau peminta sedekah di tempat-tempat yang akan mendatangkan sebarang bentuk bahaya kepada mereka. (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019).

Di samping itu, kerajaan turut meluaskan konsep perlindungan hak kanak-kanak ini melalui perkhidmatan dalam segi aspek asuhan dan pendidikan kanak-kanak yang lebih berkualiti dan bersifat menyeluruh (Mohd Alif Jasni et al. 2022). Dalam usaha untuk memenuhi hak kanak-kanak, program pendidikan awal kanak-kanak juga melibatkan program pengesanan dan intervensi awal bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang untuk berkembang secara holistik dengan maksud lain, kanak-kanak yang dilihat menunjukkan tingkah laku, perbuatan atau sikap yang negatif akibat daripada penderaan atau pengabaian yang berlaku ke atas dirinya akan dididik dan dibentuk keperibadian mereka supaya menjadi insan yang berkualiti pada masa akan datang (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019).

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang lebih fokus kepada kaedah tinjauan dengan menggunakan set soalan kaji selidik secara dalam talian (*online*) yang berbentuk *Google Form* yang diberikan kepada responden yang dipilih. Beberapa maklumat yang diperlukan daripada soal selidik tersebut merangkumi maklumat diri, pengetahuan serta persepsi ibu bapa mengenai konsep pengabaian.

SAMPEL KAJIAN

Responden kajian yang dipilih adalah dalam kalangan ibu bapa di Kuantan, Pahang yang mempunyai anak yang masih bersekolah rendah. Responden kajian juga dipilih berdasarkan latar belakang yang berbeza dan tidak hanya tertumpu kepada kepada ibu bapa yang berada di bandar sahaja dengan menggunakan persampelan bertujuan yang hanya melibatkan responden kajian iaitu ibu bapa yang berpendapatan rendah. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada responden yang berada di Kuantan Pahang yang mana negeri ini tidak banyak mencatatkan kes pengabaian yang tinggi. Walaupun Kuantan Pahang tidak mencatatkan kes penderaan yang tinggi, tetapi masih terdapat kes pengabaian yang dilihat berlaku di sesetengah daerah di Kuantan.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen dalam kajian ini telah diubahsuai daripada kajian-kajian lepas mengikut kepada kesesuaian kajian dan telah mengambil kira objektif kajian. Soalan kajian dirangka kepada beberapa bahagian yang merangkumi latar belakang responden seperti tempat tinggal, sektor pekerjaan dan anggaran pendapatan. Seterusnya diikuti dengan beberapa soalan untuk melihat tahap kefahaman ibu bapa mengenai konsep pengabaian kanak-kanak dan persepsi ibu bapa terhadap pengabaian kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Dapatan data yang dikumpul hasil daripada soalan melalui borang kaji selidik kemudiannya akan dimasukkan dalam perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26 yang kemudian akan dianalisis sebelum dibentangkan dalam bab seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan melibatkan sejumlah 115 responden yang terdiri daripada 31 orang lelaki (26.96%) dan 84 orang perempuan (73.04%). Kelompok umur peserta kajian dibahagikan kepada 3 kategori iaitu kategori 1 di antara 20-25 tahun, kategori 2, 26-30 tahun dan kategori 3, yang berumur 31-35 tahun. Dapatan menunjukkan peserta kajian yang tertinggi melibatkan ibu bapa

sekitar umur 20-25 tahun iaitu seramai 53 orang (46.07%) diikuti dengan ibu bapa 26-30 tahun seramai 39 orang (33.91%) dan ibu bapa berumur 31-35 tahun seramai 23 orang (20%). Responden kajian kesemuanya terdiri daripada pelbagai bangsa di Malaysia, namun majoriti peserta kajian dalam kajian ini ialah kaum Melayu sebanyak 86 orang (74.78%), seterusnya kaum Cina 14 orang (12.17%), kaum India mewakili 13 orang (11.30%), dan lain-lain hanyalah 2 orang sahaja (1.74%).

Seterusnya latar ahli belakang keluarga yang merujuk kepada bilangan anak dan kebanyakannya mempunyai tiga orang anak iaitu seramai 43 orang (37.39%), diikuti dua orang anak iaitu 37 orang (32.17%), dan 35 orang responden pula memiliki seorang anak (30.43%). Selanjutnya latar belakang dari segi anggaran pendapatan bulanan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan responden tergolong dalam golongan B40 dimana anggaran pendapatan tidak melebihi RM4000 sebulan iaitu seramai 72 orang (62.60%). Ibu bapa yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM3000 pula hanya mencatatkan 18 orang responden (16.36%), manakala 14 orang responden mencatatkan pendapatan melebihi RM4000 (12.17%), dan selebihnya menjawab anggaran tidak menentu. Ini menunjukkan peserta kajian terdiri daripada golongan ibu bapa dengan pekerjaan yang pelbagai dan tinggal di kawasan yang berbeza, malah terdapat segelintir ibu bapa yang bekerja sendiri.

JADUAL 1. Maklumat demografi

Demografi Responden	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	31	26.96%
	Perempuan	84	73.04%
Umur	20-25	53	46.07%
	26-30	39	33.91%
	31-35	23	20%
Kaum	Melayu	86	74.78%
	India	14	12.17%
	Cina	13	11.30%
Bilangan anak	3 orang anak	43	37.39%
	2 orang anak	37	32.17%
	1 orang anak	35	30.43%
Anggaran purata gaji	Melebihi RM4000	14	12.7%
	Tidak melebihi RM4000	72	62.60%
	Kurang dari RM3000	18	16.36%
	Pendapatan tidak menentu	6	5.45%


JADUAL 2. Mengenal pasti tahap pengetahuan ibu bapa terhadap pengabaian kanak-kanak

Item	Tidak Setuju		Setuju		Kurang Pasti	
	f	%	f	%	f	%
Kanak-kanak diklasifikasikan sebagai individu di bawah umur 18 tahun			109	94.78%	6	5.21%
Terdapat peruntukan undang-undang yang melindungi hak asasi kanak-kanak			98	85.21%	17	14.78%
Penderaan kanak-kanak dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual dan pengabaian			113	98.26%	2	1.73%
Pengabaian adalah satu bentuk kecuaiian yang disebabkan oleh ibu bapa	21	18.27%	65	56.52%	29	25.21%
Pengabaian berlaku apabila ibu bapa gagal untuk memenuhi keperluan asas anak seperti pemberian makanan, pakaian, kediaman, rawatan perubatan			98	85.21%	17	14.78%
Pengabaian merupakan suatu perbuatan yang berterusan di mana ibu bapa gagal untuk menyediakan keperluan asas seperti perlindungan, keperluan fizikal dan emosi	8	6.95%	107	93.04%		
Pengabaian berlaku apabila ibu bapa mendedahkan anak-anak kepada sebarang bentuk bahaya yang menyebabkan kecederaan atau kematian			110	95.62%	5	4.34%

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan ibu bapa terhadap konsep pengabaian kanak-kanak. Berdasarkan jadual tersebut, jelas menunjukkan kebanyakan ibu bapa mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap konsep pengabaian kanak-kanak. Ibu bapa juga dilihat cakna kepada sebarang bentuk pengabaian yang boleh berlaku kepada kanak-kanak. Seramai 109 orang (94%) ibu bapa bersetuju bahawa kanak-kanak ialah individu yang masih berumur 18 tahun ke bawah dan 98 orang (85.21%) ibu bapa bersetuju terdapat undang-undang yang menjaga dan melindungi hak asasi kanak-kanak. Majoriti ibu bapa iaitu 98.26% bersetuju bahawa penderaan dapat merujuk kepada beberapa jenis seperti fizikal, emosi seksual dan pengabaian. Namun terdapat segelintir ibu bapa yang kurang bersetuju bahawa pengabaian adalah berpunca dari ibu bapa semata-mata dimana seramai 65 ibu bapa (56.52%) bersetuju manakala 21 (18.27%) kurang bersetuju dan 29 (25.21%) kurang pasti. Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan hampir kesemua ibu bapa 107 (93.04%) dan 110 (95.62%) bersetuju bahawa pengabaian adalah satu bentuk kegagalan yang

berterusan oleh ibu bapa yang boleh menyebabkan kecederaan serta kematian.

Rajah 1 menjelaskan tentang persepsi ibu bapa terhadap kesan pengabaian kepada perkembangan kanak-kanak. Berdasarkan Rajah 1, ibu bapa telah menunjukkan pandangan yang berbeza dari segi kesan pengabaian kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Secara umumnya, kebanyakan ibu bapa bersetuju bahawa pengabaian akan memberi kesan kepada segala aspek perkembangan kanak-kanak yang merangkumi prestasi kanak-kanak, sosial dan emosi kanak-kanak yang merupakan domain utama perkembangan kanak-kanak iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Hidayah Shazira Mohd Shukor, Mazlina Che Mustafa & Norazilawati Abdullah 2022). Melihat kepada Rajah 1, dapat dirumuskan bahawa ilmu pengetahuan ibu bapa adalah perkara asas dalam menentukan jawapan yang diberikan oleh ibu bapa pada bahagian ini. Ibu bapa yang kurang mempunyai pengetahuan tentang konsep pengabaian akan mempunyai sedikit kesukaran untuk menjawab soalan berkaitan komponen perkembangan dalam konsep pengabaian.



RAJAH 1. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap kesan pengabaian kepada perkembangan kanak-kanak

JADUAL 3. Faktor berlakunya pengabaian kepada kanak-kanak

Item	Tidak Setuju		Setuju		Kurang Pasti	
	f	%	f	%	f	%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh kurangnya didikan agama	24	20.86%	76	66.08%	15	13.04%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh kurangnya ilmu keibubapaan	19	16.52%	96	83.47%		
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh masalah kewangan	10	8.69%	67	58.26%	38	33.04%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh kesibukan ibu bapa yang bekerja	13	11.30%	65	56.52%	37	32.17%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh krisis rumahtangga	26	22.60%	72	62.60%	17	14.78%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh kurangnya komunikasi bersama kanak-kanak	33	28.69%	45	39.13%	37	32.17%
Pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku disebabkan oleh bilangan anak yang ramai	78	67.82%	11	9.56%	28	24.34%

Hasil dapatan di Jadual 3 menunjukkan tanggapan ibu bapa terhadap faktor yang boleh menyebabkan berlakunya pengabaian dalam kalangan kanak-kanak. Secara keseluruhannya majoriti ibu bapa dengan kesemua faktor yang terdapat dalam soalan kaji selidik. Jadual di atas juga jelas membuktikan bahawa faktor utama berlakunya pengabaian adalah disebabkan oleh kurangnya ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa. Seramai 96 iaitu 83.47% telah bersetuju manakala 19 16.52% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Faktor kedua yang terbesar adalah disebabkan oleh krisis rumah tangga yang berlaku dalam keluarga dilihat antara faktor yang menyebabkan pengabaian kanak-kanak berlaku. Daripada 115

responden seramai 72 iaitu 62.60% telah bersetuju manakala 22.60% tidak bersetuju dan 14.78% kurang pasti. Di samping itu, faktor-faktor lain yang seperti masalah kewangan, kesibukan ibu bapa bekerja dan kurangnya didikan agama turut menjadi faktor yang disetujui oleh ibu bapa. Kebanyakan jawapan ibu bapa sebagai responden yang bersetuju melebihi 55% daripada jumlah responden yang menjawab.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan kepada kepentingan peranan ibu bapa atau penjaga dalam isu pengabaian. Ilmu keibubapaan yang

rendah akan menjejaskan pengetahuan mereka dalam hak anak-anak mereka. Ibu bapa atau penjaga ialah individu utama dalam memastikan hak kanak-kanak terpelihara (Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail 2022). Tanpa peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak akan membesar dalam keadaan yang serba kekurangan yang akan menjejaskan perkembangan mereka (Nor Farhana Abd Aziz & Azrin Ibrahim 2022). Ini disokong oleh dapatan kajian yang lain yang menyatakan ibu bapa ialah indikator utama dalam membantu perkembangan holistik kanak-kanak dan masa depan kanak-kanak (Siti Soraya Lin Abdullah Kamal, Abdul Halim Masnan & Nor Hashimah Hashim 2022).

Berdasarkan dapatan kajian, jelas menunjukkan sokongan ibu bapa dari segi gaya keibubapaan yang diterapkan turut dilihat penting dalam mencorakkan emosi kanak-kanak (Amir Nordin Dollah & Mohd Mokhtar Tahar 2022; Nor Hamizah Ab Razak & Nur Alya Hashim 2022). Keadaan suasana dalam keluarga yang tidak harmoni serta kurangnya perhatian daripada ibu bapa disebabkan oleh masalah kewangan, kefahaman ibu bapa dan krisis dalam keluarga juga turut merencatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Hal ini akan memberi kesan yang ketara kepada emosi, sosial serta kebolehan kanak-kanak sehingga mereka dewasa. Lebih membimbangkan perkembangan kanak-kanak turut akan memberi kesan kepada masyarakat, bangsa dan negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, setiap kanak-kanak yang lahir di dunia bukan sahaja anugerah yang diberikan oleh Allah S.W.T, tetapi mereka juga ialah sebuah bentuk amanah yang diberikan kepada ibu bapa dan seharusnya mereka perlu diberi hak dalam pelbagai aspek dalam kehidupan. Dalam mendepani cabaran dan amanah ini, pelbagai cabaran baru telah muncul setelah negara secara khususnya mengalami perubahan ke arah sebuah negara yang membangun. Oleh hal yang demikian, kehidupan manusia juga turut berubah dengan drastik demi menyesuaikan diri dalam cabaran baru sehingga mempengaruhi pengurusan dalam sesebuah keluarga. Dalam pengurusan kekeluargaan, kerjasama, bertolak ansur dan komunikasi yang berkesan sangat dituntut oleh ibu bapa demi memastikan keluarga yang dibina tidak akan terjejas dan membawa kemudaratan kepada golongan kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Muhammad Khairi Mahyuddin, Muhammad Nubli Abdul Wahab Husin Sungkar, Nurun Najihah Musa & Nur A'in Mustafar. 2023. Kerangka konsep keluarga Malaysia dalam mencapai kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8(1): e002196-e002196.
- Amir Nordin Dollah & Mohd Mokhtar Tahar. 2022. Penglibatan ibu bapa dalam PdPR di rumah murid berkeperluan khas pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 305-317.
- Arifah Yusri & Mohd Nasir Selamat. 2022. Pengalaman trauma semasa zaman kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap keyakinan diri remaja di Kuala Lumpur. *Jurnal Wacana Sarjana* 6(2): 1-13.
- Fairus Bahari. 2019. Statistik pengabaian kanak-kanak. *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. 8 Februari.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2017. *Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia*. 2016.
- Khairun Nisa Md Isa & Kamariah Abu Bakar. 2021. Hubungan antara emosi ibu bapa dengan kanak-kanak dan kepentingannya terhadap perkembangan awal kanak-kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(7): 258 - 266.
- Laporan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). 2023. *Dewan Parlimen*. 19 September.
- Lia Nazia Naziera Hasanuddin & Nor Shafrin Ahmad. 2022. Penderaan kanak-kanak dan tatacara intervensi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(6): e001539.
- Mohd Alif Jasni, Nazirah Hassan, Fauziah Ibrahim & Mohammad Rahim Kamaluddin. 2022. Gelandangan dalam kalangan belia dan kanak-kanak terbiar di Malaysia: satu perbincangan. *Jurnal Pengajian Melayu-Jomas* 33(2): 98-117.
- Nor Farhana Abd Aziz & Azrin Ibrahim. 2022. Asas kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak: analisis berdasarkan kisah Luqman Al Hakim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7(51):76 -86.
- Nor Hamizah Ab Razak & Nur Alya Hashim. 2022. Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan internet kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 11(1): 50-57.
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. 2018. Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 5: 17-24.
- Noor Azlina Che Hasan, Muhamad Helmi Md Said & Fatimah Yusro Hashim. 2024. Konsep tanggungjawab keibubapaan di Malaysia: Analisis perundangan Literatur. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 36(1): 41-62.
- Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb. 2022. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan konsep kewarganegaraan inklusif: Antara normatif dan realiti suatu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(5): e001500.
- Nur Fatin Najwa Amran, Nurul Farzana Hashim, Mohd Khairul Nizam Jumadi, Norzaimah Mohamad Jamil, Noraini Ibrahim & Cyrilyn Sagin Mohd Razimi Husin. 2022. Pengurusan alam pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat Sarawak. *Journal of Humanities and Social Sciences* 4(2): 64-72.

- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Izuliza Mohd Kusrin. 2019. Konsep pengabaian dan kecuaihan kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga di Malaysia. *Malaysia Journal of Syariah And Law* 7(1): 57.
- Nur Hidayah Shazira Mohd Shukor, Mazlina Che Mustafa & Norazilawati Abdullah. 2022. Pelaksanaan pendekatan projek terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial* 5(14): 72-87.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Tinjauan literatur faktor pengabaian kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 16-28.
- Rozelia Haizah Abd Razak & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2022. Pembelajaran secara dalam talian: tahap kesediaan dan keberkesanan pelaksanaannya kepada pelajar. *LSP International Journal* 9(1): 31-43.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. 2023. Uslub maw'izah hasanah dalam pendidikan anak-anak Muslim berdasarkan tarbiyah Al-Awlad Fi Al-Islam. *Jurnal Pengajian Islam* 16(2): 80-98.
- Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail. 2022. Kebimbangan dan peranan ibu dalam menjaga akidah dan akhlak anak-anak dalam era digital. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1): 195-207.
- Siti Soraya Lin Abdullah Kamal, Abdul Halim Masnan & Nor Hashimah Hashim. 2022. Parental involvement in young children's education in Malaysia: a systematic literature review. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 21(3): 319-341.
- Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2022. Dimensi keibubapaan dalam pendidikan anak di era pandemik dan solusi menurut kitab manhaj Al-Tarbiah Al Nabawiyyah li Al-Tifli. *Jurnal Usuluddin* 50(1): 97-118.
- Siti Nurjannah Saifollahi & Wafaa' Yusofii. 2023. Pengabaian hak kanak-kanak semasa pandemik COVID-19. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies* 31(2): 89-100.
- Siti Rabihah Abdul Halim, Fahisham Taib & Azriani Ab Rahman. 2023. Non-compliance with outpatient follow-up in child abuse cases. *Centre Study Journal of Clinical and Health Science* 8(1): 52-61.
- Tio Beng Shee & Syawal Amran. 2023. Persepsi ibu bapa terhadap impak penggunaan hukuman fizikal dalam prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8(7): e002405.
- Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, Nor Azima Ahmad, Norsyella Ahmad Tarmizi & Nurshahira Ibrahim. 2023. Peranan institusi keluarga (ibu bapa) semasa pandemik terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan psikologi pelajar Sains Insani. *Sains Insani* 8(1): 111-123.
- Wan Farhana Wan Zainuddin & Sakinah Salleh. 2022. Pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 7(47): 552-562.
- Zuriani Hanim Zaini, Zaleha Damanhuri, Mohamad Arif Zaki Ali & Ahmad Zulfandi Ibrahim. 2021. Kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Jurnal Kesidang* 6: 80-95.

Mohd Nizam Naqiyuddin Ahmad Sobri
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Universiti Selangor Malaysia
45600 Bestari Jaya
Kuala Selangor
E-mel: nizamnaqiyuddinahmadsobri@yahoo.com
Pengarang koresponden

Mohamed Ayob Sukani
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Universiti Selangor Malaysia
45600 Bestari Jaya, Kuala Selangor
E-mel: ayob2726@unisel.edu.my